

**Perang Mulut Calon Presiden Supp Di Akhbar Harian Sarawak
Bernama
04 Disember, 2011**

SIBU, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dan Datuk Sri Wong Soon Koh yang sama-sama menaruh harapan merebut jawatan Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) kini melancarkan serangan mulut menerusi akhbar-akhbar harian di negeri ini.

Ini berlaku menjelang persidangan perwakilan tiga tahun sekali parti itu di Kuching bermula 9 Dis ini.

Chin ialah Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sementara Wong pula Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka hadir di persidangan perwakilan SUPP itu yang akan disertai kira-kira 600 perwakilan dari 43 cawangan parti seluruh negeri.

Mereka akan memilih 135 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang kemudiannya pula memilih Presiden baru parti politik yang tertua di negeri ini.

Sementara itu bercakap di satu sidang akhbar di sini hari ini, Wong berkata beliau mempunyai hubungan kerja yang paling baik dengan kepimpinan Barisan Nasional negeri di bawah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

"Selama ini apa juga masalah terutama yang dihadapi penduduk bandar telah dibawa ke pengetahuan kerajaan negeri.

"Saya telah memperoleh tanah negeri melalui kelulusan (Abdul) Taib untuk membina sekolah-sekolah Cina dan mubaligh, gereja, tempat sembahyang, tanah perkuburan dan bangunan persatuan Cina.

"Ketua Menteri sangat bermurah hati menolong menyelesaikan malah hingga ke isu-isu mata pencarian," tambah beliau.

Wong mencabar Chin supaya bertanya kepada Abdul Taib sama ada beliau (Wong) telah melakukan ini semua dan sudah berapa kali ia dibuat.

Namun begitu, katanya, tidak mungkin bagi kerajaan negeri menghulurkan peruntukan langsung atau tahunan kepada sekolah-sekolah Cina.

"Kita adalah sebuah negeri yang mempunyai lebih 26 suku kaum yang berbeza-beza.

"Sekiranya kita ingin memenuhi kehendak semua sekolah Cina, bagaimana pula dengan sekolah-sekolah kerajaan di kawasan luar bandar yang berkeadaan lebih buruk," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri tidaklah mengenyepikan langsung sekolah Cina kerana peruntukan diberi kepada sekolah-sekolah berkenaan menerusi wakil-wakil Parlimen dan negeri yang dipilih.

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631791>